



JUMAAT, 15 JUN 2018 (1 SYAWAL 1439)

Gemerlapan sinar Aidilfitri buat pesilat negara

► FAKHRURAZI ISMAIL
mfismail@sph.com.sg

AIDILFITRI tahun ini merakamkan pelbagai emosi bagi skuad silat Singapura.

Bagi pendekar negara, Muhammad Iqbal Abdul Rahman, Syawal tahun ini amat meriah baginya kerana berpeluang untuk pulang ke kampung halaman di Malaysia menyambut Hari Raya bersama sanak saudara.

"Hari Raya tahun ini sungguh istimewa kerana saya dan keluarga akan pulang ke kampung di Batu Pahat. Kali terakhir kami beraya di sana sekitar tiga tahun yang lalu.

"Memang apabila ada kesempatan, kami sekeluarga selalu menantikan peluang untuk balik kampung dan beraya dengan sanak saudara...suasana Hari Raya di sana lebih seronok," kata Iqbal sambil tersenyum.

Walaupun ramai di kalangan rakan sepasukannya berpeluang menyambut pagi Syawal bersama ibu bapa tersendiri, srikandi silat, Nurul Suhaila Mohamed Saiful sekeluarga pula terpaksa berjauhan dengan bapa tercinta yang sedang menunaikan ibadah umrah di Tanah Suci.

"Raya tahun ini berbeza sikit untuk keluarga saya kerana kami akan merindukan kehadiran ayah yang berada di Makkah. Tapi kami akan teruskan kunjung-mengunjung kaum keluarga yang lain," kata Nurul Suhaila.

Dari segi persiapan Hari Raya, ramai di antara mereka berkata mereka hanya mampu membeli keperluan Raya beberapa hari yang lalu.

Ini disebabkan waktu yang diluahkan untuk berlatih, terutama ketika bulan Ramadan yang lalu. "Jadual latihan kami agak padat dalam seminggu kami akan berlatih hampir setiap hari.



PENDEKAR BERAYA: Meskipun gembira dapat meluangkan masa beraya dengan keluarga, di balik fikiran kedua pesilat negara, Muhammad Iqbal (kiri) dan Sheikh Farhan, mereka ingin mencapai kemenangan di Sukan Asia nanti. - Foto BH oleh LIM SIN THAI

"Kami hanya mempunyai hujung minggu untuk meluangkan masa bersama keluarga dan waktu itu digunakan juga untuk bantu membuat persediaan Raya seperti mengemas rumah atau membuat kuih raya," kata pemenang pingat emas Sukan SEA 2017, Nurzuhairah Mohd Yazid.

Juara dunia, Sheikh Farhan Sheikh

Alau'ddin pula berkata, persiapan Hari Rayanya tahun ini sekadar ala kadar.

"Saya membuat persiapan apa yang perlu saja," ujarnya.

Namun begitu, seluruh skuad silat negara tetap bersyukur kerana diberikan kesempatan meluangkan masa bersama keluarga tercinta di Hari Raya selepas berhempas pulas

di gelanggang sejak beberapa bulan yang lalu bagi persediaan menjelang Sukan Asia tidak lama lagi.

Seramai 16 pesilat negara bakal tampil buat pertama kali selepas sukan itu disertakan buat julung-julung kalinya di pentas sukan serantau itu.

Sukan Asia 2018 akan diadakan di Jakarta dan Palembang antara 18 Ogos dengan 2 September ini.

Bagaimanapun, difahamkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi, Sheikh Alau'ddin Yacoob Marican, merancang mengemukakan rayuan untuk mendapatkan anak didiknya bertanding dalam kesemua 16 kategori yang dipertandingkan itu.

Selepas menyerlah dalam Kejohanan Terbuka Belgium bulan lalu dengan membawa pulang tujuh pingat emas, tiga perak dan dua gangsa, skuad negara berharap mereka dapat terus menunjukkan prestasi yang serupa di gelanggang Sukan Asia.

Selepas merangkul pingat emas di Terbuka Belgium dan Sukan SEA lalu, Sheikh Farhan menganggap Sukan Asia sebagai sebuah pertandingan yang besar dan merupakan peluang untuk rakan sepasukannya menunjukkan bakat dan kehebatan mereka.

"Saya yakin seluruh skuad kami sudahpun bersedia untuk ke sana dan menunjukkan apa yang mampu kami lakukan.

"Kami tahu betapa besarnya pertandingan ini dan kami bersemangat untuk melakukan yang terbaik," kata beliau.

Kekecewaan di Kuala Lumpur tahun lalu telah meningkatkan lagi semangat Muhammad Iqbal untuk terus melakukan yang terbaik dan berharap beliau dapat meraih pingat emas yang didamba.

Walaupun begitu, Iqbal enggan memikirkan terlalu banyak tentang pingat sebelum bertanding.

"Selepas Sukan SEA lalu, saya telah banyak berlatih untuk memperbaiki persembahan saya dalam acara silat seni tunggal dengan bantuan jurulatih kami.

"Buat masa ini, tumpuan saya hanya melakukan yang terbaik di gelanggang nanti," ujar Iqbal yang akan kembali berlatih bersama skuad negara tidak lama lagi selepas cuti Hari Raya ini.

Selain, Sheikh Farhan, Muhammad Iqbal, Nurul Suhailah dan Nurzuhairah, juara dunia dua kali Muhammad Shakir Juanda dan kapten pasukan, Muhammad Nur Alfian Juma'en, turut disertakan dalam senarai skuad yang akan bertanding. Kesemuanya 16 pesilat itu mendapat lampu hijau untuk beraksi dalam 12 daripada 16 kategori pertandingan.